

Headline	Pewarna semula jadi hasil batik berkualiti		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2012	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	192,982
Page No	24,25	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	334 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,264
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,792



Pewarna semula jadi hasil batik berkualiti

? BATIK tempatan memang mempunyai kelebihan tersendiri berbanding batik negara jiran. Mempunyai ahli keluarga yang gemar memakai pakaian berasaskan batik menyebabkan saya sering berkunjung ke tempat pembuatan batik atau kedai jualannya.

Serba sedikit mengenai cara penghasilan batik juga saya dalam termasuk penggunaan pewarna untuk batik. Difahamkan, pewarna berasaskan sumber semula jadi dapat menghasilkan produk batik lebih bermutu.

Apakah pengusaha batik tempatan terutama di Kelantan tidak berhasrat beralih menggunakan pewarna semula jadi ini.

MINAH BATIK

Gua Musang

UNTUK makluman Minah Batik, Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan sudah menjalankan kajian berhubung penggunaan pewarna berasaskan sumber semula jadi.

Faktor pencemaran alam sekitar memberi kesedaran kepada Kraftangan Malaysia di bawah Unit Kajian Teknologi untuk menghasilkan pewarna untuk batik berasaskan sumber semula jadi.

Ia dilakukan membabitkan ratusan pokok, akar, buah, teras pokok dan daun antaranya membabitkan cempedak, gajus, kari, senduduk, mangga, nangka, kandis, kuinin, helikonia, pandan, halban, nam-nam, sentul, tembakau, sitam, kulit kayu bakau, biji rambutan



● GAMBAR HIASAN | BERITA HARIAN

hantu dan kulit mengkudu.

Pewarna semula jadi yang dihasilkan adalah sebagai bahan alternatif dalam proses menggantikan pewarna sintetik yang diperbuat daripada bahan kimia berbahaya yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar dan membahayakan kesihatan pada mereka yang mengusahakan batik.

Walaupun harganya murah berbanding pewarna kimia, proses pembuatan pewarna asli ini merumitkan kerana memakan masa yang terlalu lama serta harus melalui proses yang berperingkat bagi menghasilkan warna yang menarik, unik, eksklusif dan berkualiti.

Penggunaan sumber semula



Penggunaan sumber semula jadi ini boleh menghasilkan warna yang jarang didapati kerana warna yang terhasil berbeza serta unik daripada sejenis daun disebabkan suhu sekeliling ketika ia diambil, jenis mordan (pemati warna) dan jenis kain yang digunakan

jadi ini boleh menghasilkan warna yang jarang didapati kerana warna yang terhasil berbeza serta unik daripada sejenis daun disebabkan suhu sekeliling ketika ia diambil, jenis mordan (pemati warna) dan jenis kain yang digunakan.

Pihak kami melakukan kajian ini bermula 1995 sehingga sekarang dan pada masa yang sama mendapat khidmat nasihat daripada Institut Kajian Hutan Malaysia (FRIM) mengenai jenis pokok di hutan.

MUHAMMAD NASRUDDIN MUSTAFFA KAMAL,
Penolong Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan.